

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bermula daripada projek tersebut dilaksanakan mengikut kategori penerima dan tahun. Adakah kadar BR1M tiap-tiap kategori akan dinaikkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mengikut kategori penerima semenjak program ini dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

KATEGORI / TAHUN	2012		2013		2014		2015		2016	
	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)
Keseluruhan	4,179,062	2,089,531,000	6,802,423	2,902,230,750	6,959,549	3,640,562,350	7,437,522	5,345,263,100	7,075,831	5,130,669,550
Peserta e-kasih (di bawah RM1,000)									162,535 (RM1050)	170,661,750
Isi Rumah (RM3,000 kebawah)	4,179,062 (RM500)	2,089,531,000	4,806,500 (RM500)	2,403,250,000	4,275,026 (RM650)	2,778,766,900	4,271,964 (RM950)	4,058,365,800	3,405,311 (RM1000)	3,405,311,000
Isi Rumah (RM3,001 - RM4,000)	-	-	-	-	376,257 (RM450)	169,315,650	428,630 (RM750)	321,472,500	378,757 (RM800)	303,005,600
Individu Bujang (RM2,000 kebawah)	-	-	1,995,923 (RM250)	498,980,750	2,308,266 (RM300)	692,479,800	2,736,928 (RM350)	957,924,800	3,129,228 (RM400)	1,251,691,200

Untuk makluman, Jumlah bagi tahun 2016 masih belum mengambil kira kelulusan bagi permohonan rayuan yang masih dalam proses verifikasi oleh LHDNM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan akan mempertimbangkan kadar BR1M yang bersesuaian bagi setiap kategori dengan mengambil kira sasaran fiskal dan kedudukan kewangan semasa. Sebarang penambahbaikan BR1M akan diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan bajet tahunan.

Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.